

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : KONVENSyen "ANTI DADAH PENDIDIKAN PENCEGAHAN" BIRO HAL-EHWAL
WANITA PEMADAM KEBANGSAAN
Lokasi : HOTEL GRAND CONTINENTAL, ALOR SETAR, KEDAH
Tarikh : 09-06-1990

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Amat Berbahagia Datin Seri Hajah Azizah bt Abd Hamid; Yang Berbahagia Senator Puan Ainon Ariffin, Pengerusi Biro Hal-Ehwal Wanita PEMADAM Kebangsaan; Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan rahmat dan hidayatNya, kita dapat berjumpa dan berhimpun di Konvensyen pada pagi ini. Saya berasa sukacita dapat hadir bersama tuan-tuan dan puan-puan dan saya mengucapkan tahniah kepada Y.B. Senator Puan Ainon Ariffin, selaku Pengerusi Biro Hal-Ehwal Wanita PEMADAM Kebangsaan dan Ahli-ahli Jawatankuasanya kerana menganjurkan konvensyen yang menggambarkan kesediaan kita semua untuk membincangkan masalah kita bersama iaitu satu ancaman besar yang dihadapi oleh negara kita ini. Marilah kita bersama-sama berdoa kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, mudah-mudahan atas keinsafan dan perasaan tanggungjawab kita bersama, konvensyen selama dua hari ini akan berjalan dengan lancar dan dapat menghasilkan rumusan-rumusan yang akan membantu kita mencapai objektif utama kita, iaitu pembasmian penagihan dadah.

2. Konvensyen ini menjadi bertambah penting dengan penyertaan tuan-tuan dan puan-puan yang menjadi ibu bapa dan bertanggungjawab mengasuh serta membimbing anak-anak yang remaja yang menjadi harapan negara pada masa hadapan.

3. Persoalan mengenai masalah dadah yang dihadapi oleh negara sekarang bukanlah satu perkara baru. Ia merupakan satu masalah yang melibat dan menjejaskan semua golongan masyarakat, semua kaum di seluruh pelusuk negara.

4. Masalah dadah di Malaysia telah bermula pada awal tahun 1970an dan kini bilangan mereka yang dikesan terlibat dengan gejala ini telah meningkat kira-kira 143,000 orang. Sejumlah 97.6% penagih yang baru dikesan adalah lelaki. Mereka yang terlibat ini adalah penagih baru yang kurang kawalan ibu bapa dan terdiri daripada golongan belia berumur lingkungan 10 tahun hingga 29 tahun. Golongan ini merupakan bahagian yang terbesar yang terlibat dengan penagihan dadah iaitu 75%. Ini adalah satu petunjuk bahawa ibu bapa patut mempergiatkan kawalan ke atas anak-anak remaja supaya mereka tidak terjerumus ke kancan najis dadah. Masalah ini bertambah mendesak kerana kajiselidik-kajiselidik yang dijalankan mendapati hampir 40% penagih yang baru di kesan memperolehi dadah daripada penagih-penagih lama.

5. Kita semua sedia maklum bahawa kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah dengan keupayaan dan kemampuan yang ada untuk mengawal serta mencegah penyalahgunaan dadah dalam bidang-bidang seperti perundangan dan penguatkuasaan, rawatan dan pemulihan, pendidikan pencegahan, penerangan dan kerjasama antarabangsa.

6. Walaupun usaha-usaha kerajaan yang gigih dan tegas dalam bidang berkenaan telah berjalan semenjak lebih dari 15 tahun yang lalu, tetapi nampaknya usaha-usaha ini belum lagi mencukupi untuk menghapuskan masalah penagihan dan pengedaran dadah di negara kita. Dadah masih diseludup masuk ke negara ini dan penagih-penagih mudah mendapat bekalan yang diperlukan. Muda-mudi terus menerus terjerumus ke dalam kancan penagihan seperti yang kita dapati daripada bilangan mereka yang dikesan sebagai penagih-penagih baru setiap tahun.

7. Pada peringkat awal masalah penagihan dadah melibatkan anak-anak muda yang secara langsung akan menimbulkan kesan dan akibat kepada keluarga mereka, jiran tetangga, masyarakat tempatan dan negara amnya. Penagihan dadah juga telah mengakibatkan bertambahnya kejadian jenayah di seluruh negara. Oleh itu, kita perlulah faham bahawa walau bagaimana gigih dan bersungguh-sungguh agensi-agensi kerajaan berusaha menghapuskan masalah penagihan dan pengedaran dadah, kejayaan

sepenuhnya tidak akan tercapai sekiranya anggota-anggota masyarakat, umumnya, hanya berpeluk tubuh sahaja.

8. Yang penting ialah usaha-usaha pencegahan mestilah diutamakan kerana pencegahan adalah lebih baik daripada rawatan. Pencegahan dadah adalah usaha yang bertujuan mencegah anak-anak kita supaya tidak menggunakan dadah dalam apa jua keadaan. Ia melibatkan pendidikan anak-anak kita dengan nilai-nilai rohani yang positif dan suci serta penerangan mengenai dadah dan bahayanya.

9. Dalam bidang penerangan usaha-usaha kerajaan memberi penerangan tentang dadah dan bahayanya kepada masyarakat umum serta kanak-kanak kita di sekolah telah dipertingkatkan, terutama sekali melalui media massa kerajaan, tetapi usaha-usaha ini tidaklah memadai untuk mencapai objektif-objektif pencegahan yang sebenarnya. Tanggungjawab yang paling utama untuk menjayakan usaha-usaha negara untuk mencegah dadah adalah terletak dibahu kita, kaum wanita dan ibu bapa, kerana kita adalah orang yang terdekat dan rapat sekali dengan anak-anak. Pendidikan anak-anak bermula di rumah. Sekiranya ibu bapa tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna, maka selama itulah usaha-usaha pencegahan dadah tidak akan berjaya.

10. Saya sebagai seorang ibu telah menyaksikan sendiri tragedi yang menimpa ibu bapa akibat penagihan dadah di kalangan anggota keluarga mereka semasa saya mengadakan lawatan ke Pusat Serenti, Tampin dan Pusat Pemulihan PEMADAM, Sungai Besi. Saya telah melihat betapa kesalnya ibu bapa dan penghuni pusat tersebut kerana menyedari kesilapan mereka apabila keadaan sudah terlanjur. Betapa pilunya suasana semasa pertemuan dengan ibu bapa dan saudara mara penagih-penagih dadah yang sedang dirawat di sana. Mereka yang tidak ada masalah dadah dalam keluarga pun turut bersedih. Kesal kemudian dan menitikkan air mata kemudian, tidak ada gunanya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Kita tahu bahawa banyak persatuan-persatuan dan gerakan-gerakan yang melibatkan ibu bapa khususnya dan masyarakat amnya mengambil usaha pendekatan secara konsep perkhidmatan masyarakat atau 'concept of community service'.

12. Kita memerlukan satu sama lain bagi mencapai sesuatu matlamat. Usaha secara bergotong royong dan kerjasama di kalangan masyarakat perlulah dipupuk dan diteruskan dengan penuh minat oleh semua anggota masyarakat. Ini adalah kerana usaha seperti ini tidak mungkin dapat dijalankan terus menerus tanpa minat anggota masyarakat yang berterusan. Dalam hal ini, perlulah ditentukan bahawa tidak semestinya apa yang kita lakukan itu perlu menguntungkan diri sendiri.

13. Misalnya, dalam usaha mengatasi masalah penagihan dadah, amatlah penting bagi kita semua tampil ke depan dan membantu kaum belia yang kurang bernasib baik atau menempuh jalan yang sesat agar mereka dapat kembali ke landasan hidup yang sebenar dan terlepas daripada perangkap dadah yang merbahaya dan merosakkan itu. Bagi masyarakat di negara ini, amatlah beruntung jika kita semua menyumbangkan khidmat bakti bagi membantu dan membimbing bekas-bekas penagih dadah kembali ke pangkal jalan.

14. Dalam usaha membasmi wabak penagihan dadah, sumbangan kaum keluarga, pertubuhan-pertubuhan khasnya peringkat jiran tetangga dan seterusnya peringkat kebangsaan adalah usaha-usaha yang bermanfaat kepada masyarakat, kerana sekiranya masalah penagihan ini dibiarkan berleluasa, masa depan masyarakat dan negara akan terancam. Keamanan dan ketenteraman sosial akan tergugat dan kesejahteraan hidup akan sukar dinikmati.

15. Saya berharap bahawa Konvensyen ini akan menghasilkan rumusan-rumusan yang menunjukkan tekad dan keazaman kita yang tegas dan praktikal dalam menghadapi masalah dadah ini.

Rumusan-rumusan hendaklah dibuat bagi menggalakkan penglibatan dan penyertaan semua kaum wanita secara total dalam membantu dan menjayakan usaha-usaha negara membendung masalah ini dan menentukan dengan jelas dan terperinci pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti yang

dirancang oleh Biro Hal-Ehwal Wanita PEMADAM Kebangsaan. Saya juga difahamkan Biro Hal-Ehwal Wanita PEMADAM Kebangsaan diwujudkan oleh Y.B. Dato' Megat Junid, Yang di-Pertua PEMADAM Kebangsaan dengan tujuan untuk kita bersama-sama bertanggungjawab dengan kaum lelaki membanteras najis dadah.

16. Saya mengambil kesempatan di majlis ini mengucapkan syabas kepada puan-puan yang sudi meluangkan masa menghadiri Konvensyen yang diadakan di negeri Kedah ini dengan secara sukarela menanggung perbelanjaan sendiri termasuk kenderaan, sewa bilik hotel, makan, minum dan lain-lainnya.

Sikap yang begini membuktikan bahawa PEMADAM adalah sebuah pertubuhan yang dinamik, dan mempunyai anggota-anggotanya yang sanggup mengorbankan wang ringgit sendiri, masa, tenaga dan buah fikiran.

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. Adalah menjadi harapan saya Konvensyen Biro Hal-Ehwal Wanita peringkat PEMADAM Kebangsaan yang diadakan ini akan memberi manfaat dengan semangat bersama menggembeling tenaga masyarakat dalam pencegahan najis dadah.

18. Akhirnya, saya dengan perasaan amat sukacita merasmikan pembukaan Konvensyen ini.

Wabillahaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.